

27 MAY 2000

MIC-Samy

WAWASAN POLITIK BARU BAGI MIC

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- MIC akan mempunyai wawasan politik yang baru dalam mewakili sepenuhnya aspirasi masyarakat India di Malaysia kerana politik di alaf baru ini sudah pasti berbeza.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy hari ini berkata, sejak dua dekad lepas MIC sedar betapa pentingnya mempunyai wawasan dalam membawa masyarakat itu mengharungi cabaran masa depan dalam pendidikan, sosial dan ekonomi.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata demikian semasa berucap di Perhimpunan Agung MIC ke 54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Perhimpunan dua hari itu dihadiri oleh lebih kurang 1,500 perwakilan dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Di samping wakil-wakil kita di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan tempatan, kami telah melabur banyak masa dan sumber dalam mewujudkan wawasan bagi membangunkan masyarakat itu yang ketingglan daripada segi ekonomi dan sosial," kata beliau.

Samy Vellu berkata, parti itu sedar yang sejarah lampau masyarakat India di Malaysia sebagai pekerja dan mengiktiraf yang satu peratusan besar masyarakat itu tidak mempunyai keupayaan teknikal yang perlu untuk capai industri moden.

Mengenai wawasan parti itu dalam ekonomi, Samy Vellu berkata masyarakat India di Malaysia mesti melalui perubahan radikal dalam minda mereka untuk mengambil langkah besar.

Menyentuh mengenai nasib pekerja-pekerja industri getah, Samy Vellu berkata mereka telah diabaikan sejak 50 tahun lepas dan MIC komited dalam memastikan satu perubahan dramatik dan signifikan dalam kehidupan mereka di abad ini.

"Perdana Menteri berkata, Menteri Sumber Manusia dan kerajaan BN mengambil berat mengenai pekerja dan akan berkerjasama dengan kita untuk membawa perubahan," katanya.

Bercakap mengenai pendidikan, Samy Vellu berkata MIC sentiasa merupakan agen perubahan bagi sekolah-sekolah Tamil dan berpendapat infrastruktur yang sesuai adalah kritikal bagi menyediakan persekitaran kondusif bagi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Mengulas mengenai aspek sosial, presiden parti itu berkata, MIC berasa yakin yang dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3), keperluan dan kebimbangan masyarakat India di negara ini akan ditangani melalui program-program khas.

Sebagai contoh lebih kurang 25,000 orang daripada masyarakat India kini tinggal di kawasan-kawasan setinggan, Samy Vellu berkata mengatasi masyarakat sosial rakyat adalah tanggungjawab utama kerajaan.

"Sebarang pelaburan terhadap yang miskin dan kurang bernasib baik untuk memperbaiki kedudukan sosial mereka sudah pasti memperkukuhkan asas kerajaan BN," kata beliau.

Samy Vellu juga memuji Dr Mahathir, dengan berkata wawasan pembangunan beliau telah banyak membawa pembangunan dan pencapaian kepada negara.

Beliau berkata, melalui wawasan dan keazaman Perdana Menteri, kualiti kehidupan semua rakyat Malaysia telah dipertingkatkan.

MIC dan masyarakat India di Malaysia juga mengagumi keberanian Dr Mahathir yang tidak mahu menyerahkan kedaulatan negara ini kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) semasa krisis ekonomi memuncak.

Samy Vellu juga mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana menang tanpa bertanding sebagai presiden Umno.

"Ini sebenarnya menunjukkan kematangan politik perwakilan Umno yang memahami akan perlunya seorang pemimpin berkesan seperti Dr Mahathir untuk menerajui parti dan negara," kata Samy Vellu lagi.

-- BERNAMA
RV ES PR